

# Projek ternak belangkas gagal

Haiwan itu dianggap pengacau, sering tersangkut pada jaring nelayan

NORHASRAM MOHAMAD

PASIR PUTEH

Darah biru belangkas yang dikatakan bernilai lebih RM17,000 seliter di Amerika Syarikat seakan tidak memberi apa-apa makna apabila projek penernakannya yang dirancang di Semerak, di sini, beberapa tahun lalu menemui kegagalan.

Nelayan sungai, Muhammad Arif Zulkifly, 20, berkata, belangkas atau nama saintifiknya, *Limulus*

*polyphemus* itu dianggap sebagai 'pengacau' kerana sering tersangkut pada pukat hingga menyukarkan mereka menangkap ikan.

Menurutnya, dia mengkaji belangkas tetapi tidak nampak sejauh mana arthropod itu memberi manfaat atau mampu menjana pendapatan kepada nelayan.

"Belangkas ini spesies wujud sejak zaman Triasik lagi, haiwan pra sejarah yang masih wujud sehingga ke hari ini.

"Sekalipun ia dianggap pengacau, kita tidak boleh membunuhnya, lepaskan ke sungai jika ia tersangkut pada jaring atau bubu kerana ia merupakan khazanah alam," katanya.

Ketika mengangkat bubu di Sungai Semerak semalam, Muhammad Arif mendapat sekawan belangkas tersangkut termasuk yang mem-



Belangkas yang mempunyai tag turut terperangkap dalam bubu nelayan sungai di Semerak.

punyai tag yang menunjukkan belangkas itu dalam kajian pihak tertentu.

"Saya dah kerap kali jumpa belangkas yang ada tag, saya tak tahu pihak mana yang memasangnya, saya harap ada usaha menjaganya daripada pupus," katanya.

Menurutnya, ada kajian

yang mengatakan belangkas berpotensi dalam sektor perubatan dan kosmetik tetapi dia tidak pasti kenapa projek penernakannya suatu ketika dahulu tidak berjaya.

Katanya, agensi berkaitan perlul melakukkan sesuatu agar haiwan itu tidak pupus atau setidak-tidaknya ia memberi



Muhammad Arif bersama belangkas yang tersangkut pada bubunya.

manfaat kepada nelayan sungai.

"Saya tidak menyalahkan nelayan kerana membiarkan belangkas mati kekeringan. Pihak tertentu wajar membangkitkan kesedaran

menjaga haiwan purba ini.

"Sebagai nelayan muda, saya bangga kerana masih terdapat belangkas di sungai berhampiran rumah saya. Generasi baru ramai yang tak tahu keunikannya," katanya.